



"BERHATI-HATI DENGAN UCAPAN MURTAD".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَن دِينِهِ ۖ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ ۖ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ۚ ذَٰلِكُمْ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	4
<p>Hadirin Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "BERHATI-HATI DENGAN UCAPAN MURTAD".</p>	6

¹ al-Maidah : 54



<p>Dalam huraian mazhab Syafie murtad ditakrifkan satu azam yang kuat untuk memutuskan pertalian dengan agama Islam melalui niat, ungkapan, perbuatan yang membawa maksud kufur terkeluar daripada Islam. Oleh itu, apabila disebut murtad ia bukan bermaksud keluar daripada satu agama kepada agama yang lain. Ia bermaksud keluar dari Islam.</p>	7
<p>Muslimin Yang Dirahmati Allah SWT,</p> <p>Akhir-akhir ini isu pengucapan murtad menjadi isu hangat diperkatakan oleh masyarakat Islam di media sosial. Perkara ini dianggap sensitif oleh umat Islam apabila diperkatakan secara terbuka dengan andaian yang tertentu. Ucapan murtad bukanlah kalimah yang boleh dijadikan mainan semata-mata diungkapkan dibibir dan mulut. Ia juga bukan ucapan kontroversi untuk meraih populariti dan simpati. Setiap ucapan yang mengundang keburukan sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain akan dinilai sebagai suatu dosa. Pengucapan murtad memberi kesan besar kepada amalan kerana ia merosakkan iman apabila jelas dinyatakan tanpa paksaan dan mengandungi maksud kufur.</p>	8
<p>Sementara itu, bergurau atau sengaja melafazkan "Aku keluar Islam" merupakan unsur ucapan mempersendakan agama. Pengucapan ini sangat ditegah dan dilaknat dalam Islam. Ia bukan boleh dilafazkan secara sesuka hati atau disebabkan mempunyai tekanan masalah. Hal ini dapat dilihat apabila seseorang yang jahil terhadap ilmu tauhid dan tidak mengenal hakikat tuhan yang sebenar. Ini kerana, kebanyakan orang yang tidak mengenal tuhan dengan mudah mengungkapkan kalimah murtad. Namun, bagi mereka yang mengenal hakikat tuhan yang sebenar mustahil mengungkapkan kalimah murtad kerana mengetahui hakikat dan sifat tuhan yang sebenarnya. Larangan menyebut ucapan kufur dan murtad jelas dilarang di dalam Islam.</p>	9



<p>Firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 65 dan 66 :</p> <p>وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا مَخْوضٌ وَنَلَعَبٌ قُلُوبًا بِاللَّهِ وَعَآيَاتِهِ ۗ وَرَسُولِهِ ۗ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾ لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ نَعُفَ عَن طَآئِفَةٍ مِّنْكُمْ نُعَذِّبُ طَآئِفَةً بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿٦٦﴾</p>	10
<p>"Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?. Janganlah kamu beralih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. Jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyiksa puak yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah."</p>	11
<p>Hadirin Yang Dikasihi Allah Sekalian,</p> <p>Implikasi pengucapan kalimah murtad bukan sahaja memberi kesan kepada individu penutur malah memberi kesan besar kepada kepentingan umat Islam, agama dan negara. Senario ini secara tidak langsung boleh mengganggu gugat keharmonian beragama dalam masyarakat awam. Kesannya, segelintir masyarakat mula keliru dan membuat andaian tafsiran pengucapan dengan pelbagai tanggapan.</p>	12



<p>Isu murtad bukanlah suatu isu baharu dalam dunia umat Islam. Ia bermula semenjak zaman Nabi Muhammad SAW, zaman salaf al-soleh sehingga ke hari ini. Pendekatan untuk mengekang penularan isu ini memerlukan kepada penghayatan dan pendidikan tarbiah Islamiah semenjak dari kecil ibarat melentur buluh biarlah dari rebung.</p>	13
<p>Oleh itu, ibu bapa disarankan agar melengkapkan diri anak-anak mereka dengan ilmu fardu ain yang mantap merangkumi pengajaran tentang usul aqidah, ibadat dan akhlak. Tunjukkanlah tauladan yang baik kepada anak-anak dengan mentaati perintah Allah SWT. Amalan dan tindakan sedemikian menyuburkan roh Islam, ihsan dan sifat takut dalam jiwa anak-anak terhadap pembalasan Allah SWT.</p>	14
<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Jangan kita pernah terfikir untuk mengucapkan kata-kata yang boleh merosakkan iman dan murtad dari Islam. Ini kerana agama Islam adalah agama yang benar dan diredai oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah ali Imran ayat 19:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ</p> <p>“Sesungguhnya Agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”</p>	15
<p>Islam adalah agama penyelamat dan menyelamatkan manusia dari kesesatan. Ia adalah nikmat kurniaan Allah yang tiada bandingan dan tandingan menjadi hidayah yang sempurna, adil dan rahmat kepada seluruh manusia dan alam. Kita perlu sentiasa bersyukur kerana menjadi insan terpilih atas nikmat iman dan Islam.</p>	16



<p>Dalam memelihara iman di akhir zaman yang penuh dengan cabaran dan ujian, Rasulullah SAW pernah mengingatkan melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu'anhun bahwa Nabi SAW bersabda:</p> <p>يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ الصَّابِرُ فِيهِمْ عَلَى دِينِهِ كَالْقَابِضِ عَلَى الْجَمْرِ</p>	17
<p>"Akan datang kepada manusia satu zaman di mana orang yang sabar daripada kalangan manusia yang berpegang dengan Agamanya seperti seorang yang menggenggam bara api"</p> <p>(Riwayat al-Tirmizi)</p>	18
<p>Bagi memastikan keharmonian beragama, semua pihak perlu memandang serius isu ini dengan mengambil tindakan tegas yang sewajarnya kepada pihak yang terlibat agar Agama dipandang pada kedudukan yang tinggi dan tidak dipermainkan oleh individu atau kumpulan tertentu. Jangan jadikan isu murtad ini sebagai isu politik. Ia adalah isu seluruh umat Islam yang cintakan agama. Setiap individu muslim berperanan mengatur strategi mengikut kemampuan masing-masing bagi memastikan Islam terpelihara dari sebarang unsur negatif.</p>	19
<p>Meskipun, dan apa pun alasan bagi mengabsahkan tindakan pengucapan kata-kata murtad namun syariat Islam dengan jelas menghukumkan bahawa pengucapan kata-kata sedemikian sangat ditegah dalam syarak.</p> <p>kita dilarang mengambil jalan singkat mengikut emosi dan nafsu amarah. Pertimbangan sewajarnya adalah dengan kembali bertaubat dan beristighfar kepada Allah SWT untuk memohon petunjuk dari-Nya.</p>	20



<p>Muslimin Yang Berbahagia sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah sama-sama kita hayati dan mengambil pengajarannya agar diberikan pedoman dalam hidup ini, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah menyakini bahawa Islam adalah ajaran yang benar dan membawa kesejahteraan kepada manusia sejagat.2. Setiap umat Islam hendaklah berkewajipan menjaga keharmonian Agama dan memelihara kemurnian iman dan Islam.3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa Iman merupakan kurniaan Allah SWT kepada hamba-hambanya yang terpilih dan ia merupakan nikmat paling besar dan tiada tolok banding nilainya dengan harta seisi dunia.	21
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَاكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾</p>	22
<p>“Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.”</p> <p style="text-align: right;">(Surah al-Nahl: 106)</p>	



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	23
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	24




KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا </p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>Marilah kita sama-sama berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19. Semoga ianya dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri segera. Yakinlah di sebalik setiap kegelapan itu, pasti ada cahaya yang akan menerangi kehidupan.</p>	5
<p>Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan SELangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	6



<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	9
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	10
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	12
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	13



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung INFak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	15
<p>اللَّهُمَّ يَا دافعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	16
	17
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	18
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ عَلَيْكُمْ لَأَكْبَرُ ۗ وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَيَذَكِّرْ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	19